# UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
# (KELANTAN)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MOHD ZAINUDIN BIN ISMAIL
PELUKIS KOMIK DAN BATIK

OLEH:


| | |
|---|---|
| ADYPUTRA SYAH IYMAN BIN ROSLAN | 2022762383 |
| MISBAHULFALAH BIN HARUN | 2022942933 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2023 – JULAI 2023)

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA
ENCIK MOHD ZAINUDIN BIN ISMAIL
PELUKIS KOMIK DAN BATIK

OLEH:


| | |
|---|---|
| ADYPUTRA SYAH IYMAN BIN ROSLAN | 2022762383 |
| MISBAHULFALAH BIN HARUN | 2022942933 |


PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS
IMR 604 – PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN
SEMESTER 05 (MAC 2023 – JULAI 2023)

# PENGHARGAAN

# PENGHARGAAN

Syukur Alhamdulillah kehadrat Ilahi kerana dengan limpah kurniaNya dapat kami menyempurnakan tugasan bagi kod IMR604 PENDOKUMENTASIAN SEJARAH LISAN ini dengan jayanya. Di kesempatan ini, kami ingin mengucapkan jutaan terima kasih yang tidak terhingga kepada Puan Nurulannisa Binti Abdullah, selaku pensyarah kami kerana telah meletakkan sepenuh kepercayaan beliau kepada kami untuk melaksanakan tugasan yang diberikan dan tidak berputus-asa untuk memberi tunjuk ajar kepada kami sepanjang menyempurnakan tugasan yang diberikan.

Selain itu, kami turut berterima kasih kepada Encik Mohd Zainudin Bin Ismail atau dikenali sebagai Cekeding kerana sudi meluangkan masa dan memberi kerjasama yang sangat baik sepanjang tempoh temubual ini dijalankan. Kami berasa sangat bertuah kerana tokoh yang dipilih sangat baik hati dan mudah didekati.

Sekian, Terima Kasih

# ABSTRAK

# ABSTRAK

**Abstrak:** *Temubual ini adalah antara tokoh iaitu Encik Mohd Zainudin Ismail atau Cekeding dan dua pelajar iaitu Adyputra Syah Iyman Bin Roslan dan Misbahulfalah Bin Harun untuk subjek IMR604 iaitu Pendokumentasian Sejarah Lisan. Beliau merupakan salah seorang tokoh Penggiat Seni Lukisan Komik dan Batik. Sejarah lisan adalah satu kaedah yang penting dalam merakam peristiwa lampau yang pernah ditempuhi oleh seseorang itu. Kajian ini menceritakan tentang latar belakang dan sejarah hidup Cekeding atau nama sebenar beliau Mohd Zainudin Ismail sebagai salah seorang penggiat seni lukisan komik dan batik. Beliau merupakan anak jati negeri jelapang padi iaitu Kedah Darul Aman. Beliau mendapat Pendidikan di Sekolah Menengah Tajar, Alor Setar. Beliau juga telah berkecimpung dalam dunia lukisan ini sejak tahun 1993 sehingga sekarang dan masih lagi bergiat aktif. Senarai soalan juga telah disediakan untuk ditanyakan kepada tokoh veteran. Kajian sejarah lisan ini diharapkan dapat membantu orang lain mengenali dan menghargai penggiat seni tanah air kita.*

**Kata kunci:** *Sejarah Lisan, Cekeding, Temubual, Penggiat Seni, Tokoh Veteren*

# ABSTRACT

**Abstract:** *This interview is between a figure named Mr. Mohd Zainudin Ismail, also known as Cekeding, and two students, Adyputra Syah Iyman Bin Roslan and Misbahulfalah Bin Harun, for the subject IMR604, which is Oral History Documentation. He is one of the figures in the field of Comic Art and Batik. Oral history is an important method of recording past events experienced by an individual. This study narrates the background and life history of Cekeding, or his real name Mohd Zainudin Ismail, as a practitioner of comic art and batik. He is a native of Kedah Darul Aman, a state known as the "Rice Bowl of Malaysia." He received his education at Tajar Secondary School in Alor Setar. He has been involved in the world of art since 1993 and is still actively engaged. A list of questions has also been prepared to be asked to the veteran figure. This oral history study is expected to help others recognize and appreciate our country's art practitioners.*

**Keywords:** *Oral History, Cekeding, Interview, Art Practitioner, Veteran Figure*

# ISI KANDUNGAN

# ISI KANDUNGAN


| TAJUK | MUKA SURAT |
|---|---|
| Penghargaan…………………………………………………… | i |
| Abstrak…………………………………………………… | ii |
| Isi Kandungan…………………………………………………… | iii |
| Biodata Penemubual…………………………………………………… | iv |
| Biodata Tokoh…………………………………………………… | v |
| Pengenalan…………………………………………………… | vi |
| Transkrip | |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh…………………………… | 01 |
| Bahagian 2: Latar Belakang Pendidikan Tokoh…………………… | 04 |
| Bahagian 3: Sejarah Dan Pengalaman…………………………… | 07 |
| Bahagian 4: Pengalaman Kerjaya Dalam Bidang Batik…………… | 12 |
| Bahagian 4.1: Pengalaman Kerjaya Dalam Bidang Komik………… | 19 |
| Bahagian 5: Sumbangan…………………………………… | 28 |
| Bahagian 6: Harapan…………………………………… | 37 |
| Lampiran | |
| Log Wawancara…………………………………… | 42 |
| Diari Kajian…………………………………… | 50 |
| Senarai soalan…………………………………… | 53 |
| Surat Perjanjian…………………………………… | 60 |
| Gambar…………………………………… | 61 |
| Indeks…………………………………… | 68 |

# BIODATA PENEMUBUAL

# BIODATA PENEMUBUAL



| | |
|---|---|
| **NAMA** | **: ADYPUTRA SYAH IYMAN BIN ROSLAN** |
| **TARIKH LAHIR** | : |
| **TEMPAT LAHIR** | : Sungai Petani, Kedah |
| **ALAMAT** | : Sungai Petani, Kedah |
| **NOMBOR TELEFON** | |
| **PROGRAM** | : Pengajian Sains Maklumat |

# BIODATA PENEMUBUAL



| | |
|---|---|
| **NAMA** | : **MISBAHULFALAH BIN HARUN** |
| **TARIKH LAHIR** | : |
| **TEMPAT LAHIR** | : Alor Setar, Kedah |
| **ALAMAT** | : Alor Setar, Kedah |
| **NOMBOR TELEFON** | : |
| **PROGRAM** | : Pengajian Sains Maklumat |

# BIODATA TOKOH

# BIODATA TOKOH



| | |
|---|---|
| **NAMA** | **: MOHD ZAINUDIN BIN ISMAIL** |
| **NAMA SAMARAN** | : CEKEDING |
| **TARIKH LAHIR** | : 1974 |
| **TEMPAT LAHIR** | : Kampung Telok Kandeh, 05300 Alor Setar, Kedah |
| **ALAMAT** | : Kampung Telok Kandeh, 05300 Alor Setar, Kedah |
| **NOMBOR TELEFON** | : |
| **BIDANG** | : Kartunis |
| | : Pelukis Batik |

# PENGENALAN

# PENGENALAN

Sejarah lisan dijalankan dengan menemubual pelukis komik dan batik veteran dengan tujuan utama iaitu untuk menjadikannya sebagai satu sejarah lisan yang sentiasa akan disimpan di arkib negara Malaysia dan semua pihak boleh merujuk sejarah lisan ini di kemudian hari untuk mengetahui tentang kerjaya pelukis tersebut sepanjang bergelar sebagai penggiat seni tanah air ini.

Sejarah lisan ini dengan jayanya dapat disempurnakan dengan kerjasama antara tokoh kami iaitu Encik Mohd Zainudin Ismail (Cekeding) dengan dua pelajar Universiti Teknologi Mara Cawangan Machang, Kelantan iaitu Adyputra Syah Iyman Bin Roslan dan Misbahulfalah Bin Harun. Sejarah lisan ini dijalankan secara berhadapan di teratak rumah kayu beliau di Kampung Telok Kandeh, Alor Setar, Kedah.

Pelukis veteran Cikdin atau Cekeding dipilih sebagai tokoh untuk ditemubual kerana beliau adalah seorang pelukis veteran yang telah lama menapak di dalam industri seni tanah air sejak mula berkecimpung pada tahun 1993. Sehingga sekarang beliau masih lagi aktif di dalam industri bidang lukisan di Malaysia. Encik Zainudin adalah seorang yang mudah didekati, ramah mesra serta berbudi pekerti dan ianya membuatkan sesi temubual berjalan lancar.

Diharapkan dengan laporan sejarah lisan ini dapat memberi pengetahuan baharu kepada mereka diluar sana untuk mengenali mengenai sejarah lisan ini serta proses-proses yang harus dilalui bagi menjayakan sejarah lisan ini.

# TRANSKRIP

# TRANSKRIP

Rakaman ini berkisahkan tentang kisah seorang penggiat seni kartunis dan juga mencanting batik. Beliau merupakan salah seorang pelukis komik dan pembuat batik yang tinggal di negeri Kedah iaitu Mohd Zainuddin Ismail atau lebih dikenali sebagai Cekeding. Rakaman ini dijalankan secara bersemuka dirumah kediaman beliau di Kampung Teluk Kendeh ,Alor Setar Kedah. Wawancara ini diadakan pada 1 Julai 2023 pada jam 11 pagi. Wawancara ini dikendalikan oleh Adyputra Syah Iyman Bin Roslan dan Misbahulfalah Bin Harun. Berikut adalah hasil wawancara.

| Petunjuk |
|---|
| CD: Cik Din<br>AP: Adyputra<br>MF: Misbahulfalah |

**BAHAGIAN 1: LATAR BELAKANG TOKOH**

**AP** : **Assalamualikum Warahmatullah dan Salam Sejahtera. Berikut adalah temubual atau wawancara mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh --- seorang tokoh mengenai seni lukisan komik dan juga batik. Bersama kami ialah tokoh tersebut. Rakaman ini dijalankan pada 1 Julai 2023, pada hari Sabtu jam 11 pagi dikediaman beliau. Temubual ini dikendalikan oleh saya Adyputra Syah Iyman dan Misbahulfalah. Tanpa melengahkan lagi masa, dengan segala hormatnya temubual ini dijalankan. Untuk soalan yang pertama latar belakang tokoh. Apakah nama penuh tuan?**

**CD** : Ya nama saya Mohd Zainudin Bin Ismail. Tu nama penuh saya lah

**AP** **: Nama penuh, baik. Apakah nama gelaran yang diberikan kepada tuan?**

**CD** : Saya kalau macam kata, saya ***duk*** [selalu] biasa buat komik ***depa*** [mereka] akan panggil nama, ada orang-orang depa la duk ***bubuh*** [letak] nama Cekeding lah ***lepastu*** [lepas itu] panggilan untuk sebuah karya kartun ***depa*** [mereka] akan panggil nama Cekeding lah. [dialek Kedah]

**AP** **: Bilakah tuan dilahirkan?**

**CD** : Saya lahir tahun 1974.

**AP** **: Dimanakah tuan dilahirkan?**

**CD** : Saya masa tu lahir di Kampung Telok Kandeh. Masa dulu ***payah*** [susah] lah nak ***pi*** [pergi] macam ***laa*** [sekarang] ni apa ni lahir di hospital ni ***takdak*** [tidak] la. [ketawa].

**MF** **: Kira lahir kampung?**

**CD** : ***Aaa*** [Ya] di kampung la zaman tu. ***La ni*** [sekarang ni] semua kena ***pi*** [pergi] hospital kan.

**AP** **: Dimanakah tempat menetap tuan sekarang?**

**CD** : Saya sekarang menetap di sini lah di Kampung Telok Kandeh lah, di rumah kayu teratak saya ni lah rumah kayu.

**AP** **: Adakah tuan sudah berkahwin?**

**CD** : Ya, saya sudah berkahwin mempunyai tiga orang ***Cahaya*** [Cahaya mata]. Cahaya ***besaq-besaq*** [besar-besar] ***dah*** [sudah] lah.

**AP** **: Adakah mempunyai adik-beradik lain?**

**CD** : Ya, ada [sambil melihat atas] enam adik-beradik kami semua, saya yang bongsu lah anak terakhir ke enam.

**AP** **: Macam boleh saya tahu, anak tuan ni ada berapa orang lelaki atau perempuan?**

**CD** : Ooo anak saya yang sulung umur 23 tahun dia masih belajar lagi di UiTM [Universiti Teknologi MARA] Shah Alam lah, yang seorang lagi perempuan, yang tadi yang pertama lelaki yang kedua perempuan, 18 tahun yang ketiga 10 tahun darjah 4 lah.

**AP** **: Apakah hobi tuan diluar kerjaya tuan yang sekarang?**

**CD** : Selain daripada melukis ni, saya hobi saya membuat untuk orang kata apa membina, mengembalikan nostalgia seperti 80an [1980] 70an [1970]. Saya minat dengan bidang-bidang tu jadi saya cuba menimbukan suasana dengan membuat rumah-rumah ***style*** [rekaan] lama, bangsai lama, buat apa kedai-kedai kopi lama jadi saya dalam pembikinan dalam proses lah. Itulah hobi saya masa ***free*** [lapang] lah.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

**BAHAGIAN 2: LATAR BELAKANG PENDIDIKAN**

**AP** : **Untuk soalan seterusnya, kita ke latar belakang Pendidikan lah. Okay dimanakah tuan memulakan persekolahan rendah?**

**CD** : Saya bermula sekolah daripada Sekolah Kebangsaan Alor Mengkudu, pada tahun 1981 jadi bila sekolah menengah saya Sekolah Tajar. Sekolah Menengah Tajar berhampiran lebih kurang aaa berapa kilometer [sedang berfikir] dalam 2-kilometer ***kot*** [mungkin] daripada rumah saya, sekolah menengah.

**AP** : **Sekolah menengah Alor Setar jugak lah?**

**CD** : Ya Alor Setar jugak lah. Jadi bila selepas sekolah menengah tu keluar pergi kursus batik lah di kraftangan pada tahun 1993 lah. Sebelum tu saya buat kerja biasa-biasa. Okay lagi apa lagi?

**AP** : **Adakah tuan aktif menyertai sukan ataupun kelab di sekolah?**

**CD** : Ya, saya dulu nak kata aktif tu kurang sikit lah bab-bab sukan ni, saya banyak buat aktiviti macam riadah Bersama dengan saudara ***member-member*** [rakan-rakan] lah untuk apa macam ***hiking*** [mendaki] saya lebih suka pada itu. ***Adventure*** [pengembaraan] ni masuk hutan, naik bukit saya lebih suka bidang itu.

**AP** : **Adakah tuan melanjutkan pelajaran ke peringkat tinggi?**

**CD** : Saya tak - tak sampai mana orang kata selalunya orang naik sampai ke puncak saya naik sampai ke [ketawa] tak naik sampai ke puncak. Saya ***mengaji*** [belajar] sampai ke tingkatan lima saja lah dulu ni. Pendidikan tak - tak orang kata tak hebat mana lah.

**AP** **: Ada masuk kursus-kursus atau --- ?**

**CD** : Ya ada lah. Kursus macam kursus batik tu Kraftangan Malaysia lah dia punya nama [sambil memikir] apa kawan ni kan. Pusat - pusat Kraftangan Malaysia. Itu saja lah.

**TAMAT BAHAGIAN 2**

**BAHAGIAN 3: SEJARAH DAN PENGALAMAN**

**AP** : **Untuk soalan sejarah dan pengalaman, bolehkan tuan ceritakan serba sedikit tentang peringkat pengajian tuan pada tahun berapakah pengajian tersebut mula?**

**CD** : Maksud cik pengajian apa tu pengajian lepas sekolah ka, Oo kursus batik. Saya buat batik ni pada tahun 1993 awal tahun lah bulan satu kan. Lepas itu, berakhir pada bulan dua belas selepas itu saya masuk balik sambung kraftangan tak lama lah dalam dua bulan, tiga bulan macam itu. Untuk menambahkan lagi ilmu tu lah, ukiran batik ni mendalam tentang ilmu batik, batik tulis dan juga batik terap. Jadi itu saja lah saya punya bidang yang saya buat.

**AP** : **Apa yang menarik minat tuan untuk belajar disitu lah?**

**CD** : Di buat kursus tu lah. Saya minat sebab dia sangkut paut dengan melukis jugak sebab batik ni dia [melihat kekiri] dia boleh orang kata apa kita boleh bersangkut paut dengan batik Lukis jadi saya berminat lah untuk membuat macam mana corak dan juga lukisan-lukisan batik. Saya tengok banyak dah contoh-contoh yang boleh Berjaya dalam bidang batik ni selain daripada batik pakaian, ***depa*** [mereka] buat batik Lukis, sebab tu saya dorong diri untuk minat batik ni. Buat baju kadang buat pada macam-macam lagi kan buat skaf kan. Sebab tu saya minat batik ni. Jadi saya, macam tu lah saya punya minat batik sebab saya minat batik tu.

**AP** : **Dimanakah lokasi tersebut, membuat kursus tu?**

**CD** : Kursus tu saya buat di Kraftangan Hutan Kampung, Kedah lah. Jadi selepas saya kursus tu baru saya keluar tu buat batik juga lah.

**AP** : **Apakah momen-momen yang tidak dapat dilupakan semasa melaksanakan kursus tersebut?**

**CD** : Pengalaman yang macam mana, pengalaman yang tak dapat dilupakan ka macam mana? Yang ***hat*** [yang itu] buruk ka hat baik ka?

**AP** : **Yang manis dulu lah.**

**CD** : Yang manis dulu lah, kita buat yang buruk dulu lah [ketawa] buruk ***syok*** [seronok] lagi [ketawa]. ***Hat*** [yang] buruk tu, dia macam ni biasa lah bila kita ***pi*** [pergi] kursus tu ada benda-benda yang tak dapat kita elak seperti kena denda, denda termasuk kita lari diluar Kawasan, kita balik rumah tanpa diberitahu pihak atasan kan. Kita lari balik masa hari cuti lah. Lepas itu kita lari balik sejam dua jam kita kena denda lah. Yang ***best*** [seronok] sekali kita duduk sana kawan lah kawan ramai kan, lepas itu kita boleh kembangkan lagi idea-idea daripada kawan daripada guru-guru yang banyak bagi kita pengajaran kan ilmu yang kita mintak tu belajar daripada ***depa*** [mereka]. Jadi itulah pengalaman saya yang saya ingat lah Cikgu Shahdan lah yang paling banyak memberi saya ilmu dan mendekati kepada beliau kan. Itulah yang buat saya tak boleh lupa lah bila kita ingat arwah Cikgu Shahdan itu. Okay lagi?

**AP** : **Pada ketika itu, bolehkan tuan berkongsi suasana pembelajaran kursus tersebut seperti struktur bangunan atau kemudahan yang diperoleh kepada tuan? Macam kawasan dia.**

**CD** : Okay. Kawasan di tempat saya belajar tu, lebih kurang macam dengan IKM [Institut Kemahiran MARA] juga. Dia lebih kurang macam ada bangunan, ada --- ada kemudahan surau, kantin apa tempat bersukan, Cuma padang bola tu tiada lah. Depa [mereka] akan pergi bersukan di tepi di --- [memikir] di sekolah berhampiran dengan tempat kursus tu kan. Jadi bangunan dia boleh --- amat menarik lah ada bengkel-bengkel batik, bengkel tenunan, apa lagi yang ada situ aa [sambil mengingat semula] bengkel buat seramik. Jadi bengkel dia Panjang lah, dia ada bagi A.B.C lah bengkel tu dia ada tiga bengkel. Jadi gambaran dia lebih kurang macam tu lah. Jadi kita boleh tanam sayur-sayuran di situ, masa tu selama kita kursus situ kan. Selain kita tanam

sayuran tu kita buat riadah untuk merentas desa di Kawasan itu lah. Banayak kemudahan yang kita boleh perolehi dan pernah juga lah depa buat pergi mana-mana melawati, melawat tempat-tempat menarik seperti Kelantan untuk meluaskan dan juga membuka minat kita tentang bidang yang kita ceburi tu. Itulah. [bunyi ayam berkokok].

**AP** **: Apakah kenangan pahit manis tuan belajar disitu?**

**CD** : Pahit manis macam saya kata tadi lah, apabila pahit tu kita [mengingat Kembali] benda yang kita kena tadi [bunyi ayam berkokok] denda dengan cikgu kan lepas itu yang manis tu selepas kena denda tu cikgu dah jadi baik dengan kita. Itulah yang bagi kita ingat sampai ke hari ini lah. Banyak memberi ilmu kepada kita, daripada kita membuat jahat tadi dari situ kita dapat kebaikan kita kan.

**AP** **: Semasa tuan menceburi dalam kursus tersebut, [bunyi ayam berkokok] apakah pandangan dan pendapat ahli-ahli keluarga?**

**CD** : Bagi saya, [melihat kiri sambil memikir] pendapat dari segi keluarga saya mereka amat menggalakkan apa yang kita buat ni Cuma jangan jauh --- jangan kita merokok itu lah dan jangan lupa sembahyang [ketawa] itulah yang membuat kita orang kata apa seronok kan. Hai tanya soalan lain jawap jawapan lain apa [ketawa]

**AP** **: Adakah tuan mendapat sepenuhnya sokongan daripada sahabat-sahabat yang lain?**

**CD** : Sokongan ni, ada lah sahabat-sahabat sekolah kan, mereka ni depa kata "Kalau hang minat bahagian ni, bahagian melukis memang wajarlah dengan apa yang kita minat tu" cikgu-cikgu pun cikgu sekolah menengah bagi golakkan --- galakkan lah kepada kita kan. Jadi dari situ memang lah kita minat dan disitu ***pulak*** [pula] ada kita punya bukan ***cable*** [kenalan] lah orang kata abang --- abang … abang --- abang ipar kita kerja situ kan. Jadi kita memang kita suka lah bidang ini.

**AP : Pernahkah tuan mendapat apa-apa anugerah sepanjang membuat kursus tersebut?**

**CD** : Sepanjang kursus ni, saya nak kata anugerah tu tak lah dapat banyak dapat pun satu saja lah anugerah tu, anugerah ni seingat saya [sambil memikir] anugerah apa aaa [memikir] anugerah pelatih nak kata cemerlang tu tak lah cemerlang sangat, dapat nomber tiga ***kot*** [mungkin] cemerlang tu. Yang tu lah yang paling tercapai pun [ketawa] yang hebat tu ***takdak*** [tidak] lah kan orang kata kan.

**AP : Adakah pengajaran yang bermakna bagi tuan sepanjang pembelajaran kursus?**

**CD** : Pengajaran? Pengajaran saya, bagi saya lah pengajaran yang saya dapat tu orang kata apa pengajaran yang --- pengajaran apa orang kata --- pengajaran untuk --- untuk semua lah mana budak yang buang masa lah, ***pi*** [pergi] belajar ni bagus lah untuk menimba ilmu dan juga manfaat untuk guna masa akan datang walaupun kadang-kadang budak-budak dah keluar ***takdak*** [tidak] buat apa kita boleh guna balik idea-idea yang pernah kita belajar dulu lah. Untuk menambahkan pendapatan akan datang lah selain pada buat benda-benda lain lah. Itulah adalah satu cabang pada --- cabang apa ya --- cabang untuk mendapat rezeki masa akan datang. Begitulah, okay.

**AP : Siapakah tenaga pengajar di kursus tersebut yang tuan ingat lah?**

**CD** : Tenaga pengajar Cikgu Shahdan arwah dah dan Cikgu Zaki dan Cikgu Idris --- Puan Norizan yang membuat batik tu kan. Mereka lah banyak memberi --- mengajar saya lah dan mereka juga lah yang memberi galakkan begitu sehingga lah kita bertambah minat lebih mendalam. Sebab pandangan saya, mereka ni memberi idea-idea yang rasa oi bukan kata kita boleh buat macam ni lah ada benda baru yang kita boleh belajar daripada ***depa*** [mereka]. Jadi benda tu lah yang membuat hasil yang lebih menarik daripada batik tulis. Boleh guna macam-macam lagi.

**AP** **: Adakah tuan berpuas hati mengambil kursus tersebut?**

**CD** : Ya, saya rasa amat berpuas hati lah, mula-mula tu tak puas hati lah kan tapi bila dah kenal cikgu banyak, saya pun banyak orang kata apa menziarahi apa selepas kita habis kursus itu kan kita keluar pergi jalan rumah ***depa*** [mereka]. Jadi dari situ lah timbul kita rasa macam ni kehidupan sebenar orang kata apa saling kena faham-memahami supaya hidup kita lebih rasa bermakna lah masa-masa akan datang.

**TAMAT BAHAGIAN 3**

**BAHAGIAN 4: PENGALAMAN KERJAYA DALAM BIDANG BATIK**

**AP** **: Baik untuk soalan seterusnya, pengalaman kerjaya lah sebelum menceburi lukisan ni seni lukisan ni. Apakah kerjaya tuan selepas tamat pengajian?**

**CD** : Ya, saya selepas tamat pengajian saya pergi membuat batik juga, saya pergi bekerja [ingat semula] di sebuah syarikat iaitu batik Kedah, Pokok Sena. Lepas kursus tu saya ***pi*** [pergi] buat batik lah iaitu batik Kedah yang di --- di --- di apa diusahakan oleh [melihat kiri] nama --- (PM) Kedah iaitu (perdana) --- masa tu Datuk Basri kan dia arwah dah dia lah yang membuka sebuah nama batik Kedah, dia lah yang membuat yang kami berkerja disitu lah di Pokok Sena tempatnya produk yang keluar tu. Dia punya orang panggil ***showroom*** [bilik pameran] dia ada di Stadium Darul Aman masa tu tahun 94 [1994] masa tu kan. Lepas itu saya keluar pergi batik --- batik apa batik --- Penn Batik di Sungai Petani, membuat batik lah batik, saya duduk situ lebih kurang (se) [sambil memikir] dua tahun juga lah, dua tahun saya masa tu batik atas apa yang saya belajar tu saya manfaatkan dengan batik lah masa tu. Jadi kalau kursus setahun buat kerja batik lebih kurang semua ***total*** [jumlah] semua lebih kurang --- lebih kurang empat tahun lebih lah saya buat batik masa tu [bunyi anak ayam] kan daripada hasil kursus tu lah.

**AP** **: Berapakah umur tuan ketika mula bekerja tu?**

**CD** : Masa saya mula bekerja tu umur [memikir] saya dalam 21 (21 tahun) tak silap takpun 20 (20 tahun) ***kot*** [mungkin] lebih kurang sebab saya masa tahun 93 [1993] saya baru umur [mengingat semula] tingkatan lima, tingkatan enam berapa tahun --- umur 18, 18 [18 tahun] masa kursus kalau habis setahun dah 19 [19 tahun] kan. Haa 19 lah, 19 tahun lah.

**AP** **: Lebih kurang 20an [20 tahun] lah.**

**CD** : Haa 20an [20 tahun] lah.

**AP : Boleh berikan sebab mengapa tuan memilih untuk tidak meneruskan kerjaya itu sekarang?**

CD : Ya, saya yang tidak memilih untuk tidak meneruskan kerjaya itu kerana --- kerana macam ni pada suatu hari ***tudia*** [itu dia] nak cerita panjang ni [ketawa] apa bila saya selalu buat batik banyak, satu tahap saya tak boleh buat batik kerana asap lilin itu dia mendatangkan ***effect*** [kesan] kepada badan saya. Mungkin kerana itu badan saya tak naik sampai laa ni [sekarang ini]. Haa saya tak buat batik sebab saya kena Tibi [penyakit] daripada ***effect*** [kesan] saya ***duk*** [sedang] mencanting tu ***ceduk*** [mengambil] apa tu lilin tu mencanting sampai --- sampai saya dapat Tibi [penyakit] enam bulan saya makan --- makan Tibi pula dah [ketawa] saya makan ubat. Jadi saya ***duk*** [sedang] ***pi*** [pergi] susulan tu ***pi*** [pergi] --- ***pi*** [pergi] jumpa doktor, jadi saya berhenti sekejap tahun 2000 kot [mungkin] saya buat juga sambil-sambilan di kraftangan juga. ***Depa*** [mereka] panggil ada kita buat juga tapi hanya sambilan saja lah walaupun dah ***lega*** [sembuh] elok dah. ***Pi*** [pergi] buat juga untuk ***practice*** [Latihan] balik tangan kita ni orang kata "perhidup lesen balik kan" [dialek Kedah] haa bagi --- bagi hidup balik tangan kita orang panggil kalau ada tempahan, kita ***pi*** [pergi] lah buat tempahan batik lukisan, batik kain sarung, batik apa lagi ya, skaf kan kita buat la juga tahun 2000 tu 2000 sampai 2000 [tahun 2000]. Lepas itu --- okay habis dah [ketawa] sambung kisah lain pulak.

**AP : Okay, bayaran yang diberikan kepada tuan ketika itu?**

CD : Ketika itu wuishh [nada gembira] 500 [Rm500] cukup hebat lah 500 [Rm500] cukup hebat lah pada tahun 1996, 96 [tahun 1996] 500 [Rm500] rasa hebat dah ***depa*** [mereka] kata "Hang dapat banyak duit!" [ketawa]. Masa itu kita nak jadi ***leader*** [ketua] ***dah*** [sudah] masa itu. Rasa seronok dah. Okay lagi?

**AP** **: Lepas buat benda itu ada masuk pekerjaan apa-apa selain ---?**

**CD** : Ya, selepas saya tahun 96 [1996] 97 [1997] saya ditawarkan kerja sebagai artis kompleks iaitu artis kompleks [mengingat semula] pasaraya ***sorry*** [maaf] pasaraya --- pasaraya peladang iaitu bawah MADA [Lembaga Kemajuan Pertanian Muda] hingga ke hari ini masih ada lagi ***depa*** [mereka] punya anak orang kata apa ***outlet-outlet*** [cawangan] ***depa*** [mereka] yang masih, masih kekal yang besar pasaraya ***depa***[mereka] dah tutup dah tapi ***outlet-outlet*** [cawangan] yang kecil sudah tutup dah. Seperti kedai kek, kedai runcit depa [mereka] masih ada lagi, masa saya bawah ***depa*** [mereka] bawah MADA lah Peladang punya pasaraya Peladang kan. Jadi saya kerja itu dah berubah karier tapi dalam bidang jugak. Bidang itu lebih kepada ***decoration*** [hiasan] lah. ***Decoration*** [hiasan] ni hias untuk dalam ***supermarket*** [pasaraya] lah macam bila datang hari perayaan kita kena macam contoh raya --- raya puasa kita kena, kena buat lah ***deco*** [hias] gerbang masuk kedai lepas itu gantung ***mobile [mudah-alih]***, banner macam artis nak ***mai*** [datang] kita kena pasang buat sikit ***depa*** [mereka] punya ***backdrop*** [latar belakang] untuk menyanyi kan. Itu lah lebih kurang, sibuk itu bila nak raya lah. Bila nak ray akita kena banyak buat ***deco*** [hias] lah. Buat corak-corak melayu lah untuk sama dengan orang kata apa tema, tema kemelayuan hari raya lah. Okay, lagi ada lagi ka?

**AP** **: Ketika menceburi bidang lukisan batik ni, bolehkan tuan menceritakan bagaimana bermulanya kisah tuan didalam bidang lukisan ni?**

**CD** : Okay mula menceburi bidang lukisan?

**AP** **: Batik.**

**CD** : Batik ha [Ya]?

**AP** **: Ya.**

**CD** : Batik ni, saya mula-mula dari sekolah lagi sekolah menengah saya dah ambil dah, boleh cerita ***lagutu*** [macam itu]?

**AP** **: Boleh.**

**CD** : Dia sekolah menengah dia ada seni Lukis kan, salah satu bidang yang saya ambil dalam sekolah menengah _ iaitu dalam seni Lukis [melihat atas] batik dan juga ukiran dan gubah ukiran ni cikgu kata "***Hang*** [kamu] kena ambil gubah ukiran ni sebab hang dah pakar minat melukis kan" suruh buat batik saya buat lah dan ukiran pun saya buat sekolah menengah tingkatan tiga ***form 3*** [tingkatan tiga] kan bila sekolah [ayam berkokok] ***time*** [masa] ***form 4*** [tingkatan empat] mula saya ***dah*** [sudah] dedah dengan cikgu buat batik, disitu lah saya mula minat. Minat batik lah ***form 4*** [tingkatan empat] okay, tingkatan lima pun saya ambil lah batik.

**AP : Pada tahun berapa tuan mula menceburi diri dalam bidang ---?**

**CD** : Bidang batik haa [Ya]?

**AP : (Mengangguk)**

**CD** : [Ayam berkokok] macam ___ sekolah tu tahun 90 [1990] lah, saya tingkatan empat lah lepas itu tingkatan lima pun saya ambil, saya ambil batik sikit lah buat kan lepas itu bila ***keluaq*** [keluar] tu pun dah abang ipar pun dah kerja situ pun kraftangan dia pun "Hang ambil la ni ***pi*** [pergi] ***belajaq*** [belajar] ***course*** [subjek] buat batik ni" [ayam berkokok] kan lepas itu kita ***pi*** [pergi] lah kraftangan buat bidang batik ni. Batik Lukis. Itu ***ja*** [sahaja].

**AP : Apakah yang mendorong tuan melibatkan diri ni adakah di atas minat atau sebaliknya?**

**CD** : Ya, soalan itu ada di dalam jawapan itu. Dan --- dan [ketawa] memang minat dalam, minat pada ***time*** [masa] ***form 4*** [tingkatan empat] ***form 5*** [tingkatan 5] lepas itu ***keluaq*** [keluar] pun bila di dorong dengan kawan-kawan yang boleh canting, mendalamkan lagi ilmu macam mana nak gunakan batik [ayam berkokok] ni. Jadi daripada situ lah kita buat batik kan.

**AP** : **Siapakah yang memberi semangat atau mendorong tuan untuk teruskan dalam bidang batik ini?**

**CD** : Yang mendorong seperti jawapan-jawapan orang lain juga lah iaitu keluarga, kawan-kawan dan memang atas diri kita sendiri, kita minat kita buat.

**AP** : **Sejak bilakah tuan sedar bahawa tuan mempunyai bakat dalam membuat batik?**

**CD** : Batik ni [ini] saya tak sedar dan yang saya sedar ***form 4*** [tingkatan empat] itu lah. Tingkatan empat itu lah saya mula hui rasa macam satu benda yang baru lah zaman itu lah. Zaman ***laa*** [sekarang] mungkin tak [tidak] mencabar lah buat batik ni [ini] kan. Mungkin dalam __ internet ni lebih hebat kan. Macam itu lah pada zaman tu [itu] batik ini sesuatu yang baru lah bagi kami masa zaman tu. Tingkatan empat tahun 90 [1990] ***best*** [seronok] menarik __ dan saya rasa benda ni [ini] boleh ***pi*** [pergi] buat jauh lagi selain daripada kain batik buat batik __ boleh macam-macam lagi lah. Okay.

**AP** : **Apakah perasaan tuan ketika dapat menempatkan diri dalam bidang ini?**

**CD** : Ya, saya dapat rasa --- [memikir] kepuasan tu [itu] memang ada lah bidang yang saya ceburi ni [ini] kepuasan yang perasaan sesuatu yang baru lah. Jadi kita berminat sangat lah batik ni [ini] pada masa tu [itu]. _ masa tu [itu] lah. [ketawa] ____

**AP** : **Macam berapa lama tuan mengambil masa untuk mahir dalam bidang ini?**

**CD** : Bidang batik ini?

**AP** : **(Mengangguk)**

**CD** : Saya mengambil masa lebih kurang lima, enam bulan juga lah. Kami dulu setahun masa tu [itu] jadi lima enam bulan lah untuk melancarkan lagi talian-talian lilin dan cara bancuhan yang betul kan cara bancuhan dia tu kalau ikut nasbah macam hujan ni kita kena lebih kepada rosin lah, kalau panas kita kena lebih kepada lilin _ campuran

lah. ***Lepastu*** [lepas itu] kita keluaq [keluar] kursus pulak kita kena tambah satu jenis minyak supaya dia lebih cepat lagi bila hujan ***mai*** [datang] dia tak kembang makan talian lilin tu [itu].

**AP : Adakah tuan mempunyai rutin Latihan untuk memantapkan lagi atau ---?**

**CD** : Soalan ***kui*** [makin] padu [ketawa]

**AP : Kemahiran tuan lah.**

**CD** : Yang memantapkan lagi kemahiran tu ha [ke]? Saya masa tu memantapkan saya terus tambahkan lagi ilmu pergi kursus-kursus di luar negeri Kedah lah. Masa tu [itu] lah. Kursus-kursus batik seperti di Kelantan, Terengganu supaya memantapkan lagi apa lagi apa selain daripada tu [itu] guna ***material*** [bahan] itu selain guna --- lilin, damak kan. Rupa-rupanya ada benda lain yang kita tidak tahu _ menggunakan ***material-material*** [bahan-bahan] yang tidak disangka lah seperti lemak lembu, lembu dia ada lemak ada yang bagi macam kaum-kaum orang-orang yang bukan islam ***depa*** [mereka] lemak babi pun boleh guna. Kita tak boleh, ambil lemak lembu lah supaya benda itu orang kata apa bila kita ***takdak*** [tiada] benda ni [ini] kita boleh guna lain.

**AP : Macam alternatif lain lah.**

**CD** : Alternatif lain yang dapat untuk membuat batik kan. Jadi benda tu [itu] yang buat kita rasa oo rupa-rupanya benda [telefon berbunyi] lain lagi boleh guna. Saya rasa kagum lah.

**AP : Apakah persediaan diri tuan sebelum memulakan lukisan batik ini?**

**CD** : Persediaan maksud cik macam mana?

**AP : Persediaan yang macam apa persediaan diri sebelum untuk membuat batik ini?**

**CD** : Oo sebelum menyediakan membuat batik ni ka [ke]?

**AP : Ya.**

**CD** : Okay, dia persediaan membuat batik ni [ini] mula-mula kita kena cari kain dulu lah kalau ***takdak*** [tidak ada] kain nak canting atas ***ayaq*** [air] tak boleh [ketawa]. Ni [ini] yang pertama mencanting cari kain selain itu kita masa tempat kursus cikgu lah yang bagi sorang [seorang] satu canting, kita dah [sudah] ada dah [sudah]. Okay damak semua tu [itu] kita boleh beli di kedai di ***Alor Staq*** [Alor Setar] macam lilin kan kita boleh dapat dah [sudah]. Cikgu ***bagitau*** [bagitahu] Kawasan ni [ini] ***tang*** [dekat] sini boleh ***pi*** [pergi] beli lah ***lepastu*** [lepas itu] ***colour*** [warna] apa _ masa tu [itu] lepas kursus tu _ kita buat dah. ***Tang*** [dekat] mana eh silap ni [ini] rumah orang lain [sambil menunjuk rumah dihadapan] dulu itulah rumah saya dulu. Sebuah rumah masa itu, dulu bawah rumah sebelum ada apa putih tu orang panggil apa tu [menunjuk rumah dihadapan] dia macam ni [ini] lah dulu rumah tu [itu] macam ni lah lepastu [lepas itu] belakang tu [itu] simen lah. Rumah depan ni kosong [tunjuk kehadapan] saya ada lukisan rumah nanti kita tengok rumah lama kan. Jadi itu penyediaan yang saya ada ***lepastu*** [lepas itu] macam ***dapoq*** [dapur] minyak kan supaya kita nak masak lilin kan panas baru kita canting. Tapi bagi saya masa tu [itu] kena Lukis dulu lah dengan pensel kan diatas kain kan kain bentang di kayu ***lepastu*** [lepas itu] canting-canting baru kita menyanting menggunakan lilin baru kita ***bubuh*** [letak] warna. Itulah penyediaan sepanjang proses membuat batik.

**AP : Apakah anugerah yang pernah tuan terima ketika bekerjaya dalam lukisan batik?**

**CD** : Sepanjang berkarya ni [ini] saya ***takdak*** [tidak ada] anugerah sangat. Cuma saya pernah ambil tapi saya tak simpan tak sempat. Anugerah tu ***takdak*** [tidak ada] lah macam-macam ---

**AP : Penghargaan lah sijil-sijil.**

**CD** : Sijil tu [itu] ada lah. Sijil daripada kraftangan lah. Kita dapat oang ketiga lah misal kata sekolah satu sampai tiga kan. Tak hebat mana lah saya pun biasa-biasa ja [sahaja]. Tapi sepanjang masa tu [itu] saya dah tahun 90 [1990] saya dah masuk Angkatan pelukis Kedah. Pelukis Kedah Aloq Setaq [Alor Setar] kan. Jadi sepanjang tu [itu] saya

ada hantar pamer di Balai Seni Alor Setar. Saya mula giat sambil-sambilan orang kata ____. Okay apa lagi? –

**TAMAT BAHAGIAN 4**

## BAHAGIAN 4.1: PENGALAMAN KERJAYA DALAM BIDANG KOMIK

**MF** : **Okay saya akan teruskan tentang tuan dalam bidang lukisan komik. Soalan pertama, bolehkah Tuan kongsikan sedikit, bilakah Tuan menceburi bidang lukisan atau pembuat komik?**

**CD** : Okay saya mula-mulanya, mula dalam bidang komik sebenarya daripada berminatnya membaca komik kartun daripada sekolah rendah lagi. Itu [dari situ] kita mula boleh rasa minat membaca dan ingin membuat dah ada dalam diri kita sebab kita minat melukis. Jadi kita mula pada tahun sembilan belas sorry tahun dua ribu [2000] kita mula menghantar karya pada majalah _.

**MF** : **Bagaimana Tuan boleh menceburi bidang pembuatan komik?**

**CD** : Macam mana ulang balik [semula].

**MF** : **Bagaimana Tuan boleh menceburi bidang pembuatan komik?**

**CD** : Kita minat ***pastu*** [lepas itu] kita cuba untuk – berkarya untuk diri kita ni. Kita cuba lukis kita hantar ***dekat*** [kepada] Majalah Gila-Gila, ***masatu*** [masa itu] Majalah Gila-Gila famous tapi masa ***tu*** [masa itu] peluang kita tak dak [tiada] lagi mungkin tak [tidak] sampai peluang lagi kan. Kita hantar masa tu pernah tahun sembilan belas sembilan puluh sembilan [1999] kita hantar banyak mungkin masa kita tak sampai lagi _ berminat mula daripada situlah. Apadia takut lari cerita.

**MF** : **Ha betul. Bagaimana tuan boleh menceburi bidang pembuatan komik?**

**CD** : _ macam tulah [itu] kita buat hantar karya dan tengok karya orang menarik kita pun _ kita buat hantar jugak ***okay*** [baiklah] itulah mula kita _. ***Pastu*** [lepas itu] kita jumpa seorang bagi kita dia tu seorang ***sifu*** [tok guru] kita. Dia tu seorang pendekar tangan berapi.. Nama dia _ Hadi jadi dialah tok guru saya untuk teruskan membuat karya kartun ni. Saya masa ***tu*** [itu] – nak cerita panjang pendek. Boleh boleh boleh dia jadi saya boleh kata pada tahun dua ribu [2000] tu saya sentiasa pergi rumah dia berulang-alik daripada sini daripada rumah saya ***ni*** [ini] pergi ke Merbok [Sungai Petani] boleh kata setiap hari sepanjang setahun _ _ saya pergi belajar dekat dia. Saya ulang-alik belajar, masa tu dia ajar saya menggunakan pelukis background ja [sahaja] karakter dia lukis dia buat kotak macam ni [sambil membuka komik] ha ***ni*** [ini] contoh _ lukis macam ***ni*** [ini] karakter saya tak lukis dia lukis dia tinggal saya lukis belakang ja belakang ni ha ***ni*** [ini] belakang ***ni*** [ini] macam ***ni*** [ini] dia kata "*Okay* [baiklah] ***hang*** [kamu] buat ***ni*** [ini], aku bagi dekat ***hang*** [kamu] sepuluh ringgit lukis kotak ***ni*** [ini] ***hat ni hang tak yah lukis*** [bahagian ini kamu jangan lukis] ha ***tu*** [itu] ***chapter*** [bahagian] dua la, chapter dua ***hang*** [kamu] lukis kotak ***hat*** [bahagian] lain ***hang*** [kamu] tinggal nanti aku" _ _ dia hantar ***mai*** [dekat] saya sini saya akan lukis belakang ***ni*** [ini] kan. Bersesuain dengan kartun dia ***ni*** [ini] la dia ***habaq*** [bagitahu] la ***okay*** [baiklah] ***hang*** [kamu] lukis ni, ***hat*** [bahagian] ni kena masuk _ _ dia ajar macam tu la [Cik Din meletakkan komiknya semula]. Sebab saya minat lukisan, bila lukisan tentang kehidupan kampung-kampung di Malaysia ni Kedah la kan. Jadi saya banyak ambil gambar-gambar _ yang membuat kartun ***ni*** [ini] dalam satu karya. Jadi benda ***tu*** [itu] lah yang membuat atau mula _ minat dan sampai satu tahap, kita tambah lagi, sampai satu tahap saya pun ***terpikiaq*** [terfikir] ***takkan*** [tidak akan] ***aku duk*** [hanya] bagi dekat orang ***ja*** [sahaja], nama ***tak dak*** [tidak ada] kalau ***laguni*** [begini]. Kita belajar, kita buat, lebih baik aku buat sendiri kita pun teringin nak mengeluarkan karya betul. Sebab dulu ni kita hantar masa ***tu*** [itu] kita akuilah masa ***terpikiaq*** [terfikir] lama tunggu _ ***tak*** [tidak] berapa ***elok*** [baik] _ ***tak dak*** [tiada] biasalah kadang-kadang kita orang pun ada setengah ***tak dak background*** [tiada latar belakang] pun tapi ***depa***

[mereka] boleh tersiar kan jadi _ kita buat kita pi [pergi] belajar kan _ sama dengan aku punya ***taste*** [minat], minat yang sama dia pun suka ***background*** [latar belakang] aku pun suka ***background*** [latar belakang] ***lepastu*** [lepas itu] masa itu _ _ baru ni. Jadi memantapkan lagi lukisan dan memudahkan lagi orang panggil apa syarikat ***company*** [syarikat] kartun depa akan ambil lukisan ***background*** [latar belakang] yang menarik sikit la. Sebab tu kita teruskan buat kartun tu pada tahun dua ribu [2000] _ _.

**MF** **: Sejak bilakah tuan sedar bahawa tuan mempunyai bakat didalam bidang ini?**

**CD** : Saya sedar masa tahun _ _ saya rasa _ _ saya memang _ _ _ minat _ saya ***try*** [cuba] tengok buat sebab benda ***ni*** [ini] ialah satu bidang _ ***jugaklah*** [juga] ***tulah*** [itulah] teruskan buat hingga sekarang ***ni*** [ini] walaupun _ badan _ kita buat juga.

**MF** **: Apakah perasaan tuan ketika dapat menempatkan diri dalam bidang ini [bunyi motor]?**

**CD** : Perasaan [bunyi motor] perasaan masa itu rasa terharu, gembira _ biasalah kalau kita ***ni*** [ini] kartun kita itu adalah mempunyai kesedaran kita untuk kuat ***menkuatkan*** [menguatkan] lagi semangat untuk _ karya-karya masa ***tu*** [itu] tapi kita _ _ _ kita ha ***ni*** [ini] gila-gila [sambil menunjukkan Majalah Gila-Gila] kita _ tentang Majalah Ujang dalam _ _ lagi majalah apa saya ***duk*** [pergi] hantar masa tulah.

**MF** **: Kira ni semua hasil karya - ?**

**CD** : Ya, karya saya masa ***tu*** [itu] yang _ _ ***ni*** [ini] [sambil membuka komik] ***ni*** [ini] hadiah _ _ _ _ pertama, bawah ni ***kot*** [ini], ***hatni*** [yang ini] masa menang ***tu*** [itu] masa [sambil menunjukkan anugerah yang Cik Din terima] _ _ kampung ***ni*** [ini].

**MF** **: Berapa lamakah tuan mengambil masa untuk mahir dalam pembuatan komik?**

**CD** : Saya rasa _ setahun ***jugaklah*** [jugalah] itu pun orang kata apa setahun jagung [kata-kata perumpamaan] biasalah orang kata apa mesti ada juga cacat-cela _ orang kata dan kita cuba perbaiki setiap karyalah walaupun hingga kini kita masih ada _ teruskan lagi berjuang orang kata apa mencari ilmu lagi _ _ dan _ selepas ini untuk mantapkan lagi macam - .

**MF** **: Adakah tuan mempunyai rakan sekerja?**

**CD** : Maksud tu sekerja sekerja apa buat kartun ka?

**MF** : Ya.

**CD** : Saya sebernarnya tidak ada rakan sekerja masa mula-mula kita buat hantar _ ke syarikat apa ***depa*** [mereka] akan _ apa semua _ kita kena kata kata-kata kita dalam _ _ _ _ sebab kita memang confirm dah ***tak kan*** [tidak akan] ubah dah maksudnya ***hatni depa akan*** [sambil menunjukkan contoh komik]_ _ macam ni ***depa*** [mereka] akan ubah ***sikitlah*** [sedikit]. _ _ _ bila dah ***mai*** [datang] satu tahap kita akan berfikir ***tak kan*** [tidak akan] kita duk hantar karya ***ja*** [sahaja]. Kita ingin memiliki _ _ macam ***ni*** [ini] juga contohkan, tahap lain pula - .

**MF** **: Okay, Apakah tugas yang perlu dilakukan ketika tuan berkerjaya dalam pembuatan komik?**

**CD** : Tugas yang pertama ka [Misbahulfalah menyuarakan persetujuan]. Okay tujuan yang pertama penye..penyia apa penyiapan untuk ***mensiap*** [menyiapkan] satu karya ka [Misbahulfalah menyuarakan persetujuan]. Okay dia mula-mula, sebelum tu sepanjang saya kenal tok guru [Tuan Hadi] saya dia akan mengajar saya dia kata mula-mula sekali kita walaupun kita dah boleh lukis kita dah ada idea, maksud dia idea - idea apa yang

pertama kali idealah kita boleh melukis ada idea ***tu*** [itu] ***okay*** [baiklah] macam karya orang kita akan ***create*** [cipta] supaya jadi ***ending*** [pengakhiran] lain atau pun kita kena rajin membaca [ulang semula perkataan yang disebut] kita akan ubah suai [bunyi kereta] dia punya kita ubah suai sepanjang kita ***menyembang*** [bersembang] dengan orang untuk kita boleh dapat idea atau pun kita sembang dengan orang ni kita kilas la sikit contoh macam tu, itu peringatan yang pertama kita kena cari idea dulu _ _ kita kena lukiskan. Lepastu yang kedua karakter _ karakter ***ni*** [ini] kurus kita lukis. Kalau kotak pertama kurus, kotak kedua kita kena kurus juga, kawan lain ***pulak*** [pula] kalau kotak gemuk dia kena _ sembang dengan kurus ni, yang tu karakter. ***Okay*** [Baiklah] bila dah dapat dua atau tiga karakter barulah kita lukis dan juga mengguna idea kita ni untuk masukkan dalam karya kita ***tu*** [itu]. Selepas kita _ apa, ***okay*** [baiklah] berterus-terang saya bagitau saya nak bagitau karya kebanyakkan saya suka karya yang bentuk warna sebab mudah menarik perhatian nak membaca. Kebanyakkan [bunyi motor] _ _ _ banyak _ _ _ _ orang kata _ sehingga ke hari ***ni*** la [ini]. Jadi pihak syarikat pun banyak minta tolong buatkan _ _ _ kalau dia hanya _ kalau hitam putih ada juga_ _ _ _ _ _ _ kalau hitam putih dia akan bayar lima puluh [RM 50] kalau ***colour*** [berwarna] dia akan lebih dalam sembilan puluh [RM 90] atau lama akan sampai seratus [RM 100] [bunyi kereta] _ _ _ _ ***up*** [naikkan] kita punya karya ni, karya kita pada peminat-peminat _ _ _ _ kesukaan kartun ini.

**MF : Berapa lamakah tuan di dalam kerjaya tersebut?**

CD : Lebih kurang dari tahun dua ribu.. satu [2001] dua ribulah [2000] dua ribu [2000] bulan enam [6] ***kot*** [mungkin] bulan tujuh [7] masa saya hantar hinggalah ***harini*** [sekarang] karya saya tersiar dalam majalah. Ujanglah banyak sekali, dulu masa hantar pos ***artwork*** [seni] yang ***ori*** [tulen] tapi ***zaman la tak payah*** [sekarang tidak perlu] hantar ***ori*** [tulen] dah, hantar pakai e-mail senang tambah lagi ***WhatsApp*** _ tapi kita kena tukar ***PDF*** la _ _ _ _ _.

**MF : Bilakah pembuatan komik pertama tuan?**

**CD** : Komik sendiri ***solo*** [sendiri] ***aih*** [ka] [Misbahulfalah menyuarakan persetujuan]. Tahun dua puluh dua puluh [2020] masa covid sedang melanda cuti dapat cuti banyak hantam [sambil ketawa] walaupun rasa lain _ _ sekeping-sekeping dua keping tu kan kita hantar kita ***try*** [cuba] buat tengok karya dah ada dah dalam diri kita masa tahun dua puluh dua pul.... tahun [2020] dua ribu sepuluh [2010] dah ada rangka nak buat untuk majalah ***ni*** [ini] [sambil menunjukkan komik] Din Budak Bendang [tajuk komik Cik Din] ni [ini] kan. Ada rangka tahun dua puluh dua puluh [2020] baru kita hantar ada yang ***mai*** [datang] dua orang ***offe***r [cadangkang] kita keluarkan buku ini tapi kita ambil _ _ ada ***jugaklah*** [jugalah] yang _ _ syarikat, ni dia ha ***ni*** [ini] ha ini ***depa*** [mereka] gabung sekali [sambil meunjukkan nama syarikat] orang Kedah ***gak hat ni*** pun [juga yang ini]. Dua orang ini ni orang yang ***buat keluar*** [keluarkan] buku ini [komik Din Budak Bendang], di ***ni*** [ini] ***checkout*** [keluarkan].

**MF : Apakah perasaan tuan Ketika pertama kali membuat komik?**

**CD** : Perasaan buat komik ini, komik sendiri ini kita rasa biasalakan [biasalah], puas hati aku boleh bawak [bawa] keluar buku [terbitkan komik] selalu duk hantar ja [hanya hantar sahaja]_ _ _ orang, jadi berasa puas hati sebab pertama kali, jadi kita pun mengeluarkan lagi walaupun umur kita selagi kita ada kudrat dan _ kita akan cuba lagi _ _ _.

**MF : Sudah berapa banyak jualan komik tuan?**

**CD** : Jualan komik tuan ehh [tersilap sebut] tuan pulak [pula] komik saya [bunyi ayam] _ _ _ _ la ni [sekarang ini] kita buat tapi tak [tidak] banyak dalam dua ribu [2000] pastu [lepas itu] dalam [sedang memikir] berapa ratus lebih kurang masih ada lagi dekat kita, tapi berpuas hati lebih jangkaan kita jangkaan-jangkaan maknanya maksud kita, kita

modal dah lepas _ _ kalau lebih sikit-sikit tu [itu] hanya untuk masa akan datang atau kita boleh cetak lain semula bagi dekat kita, puas hati la dengan hasil jualan kita buat komik _ tu [itu] pun kita nak buat buku kedua plak lepas ini [disahut oleh Misbahulfalah]. Kisah raya ***pulak*** [pula] lepas ini _ raya, sambung cerita ini [sambung Komik Din Budak Bendang].

**MF : Apakah cabaran tuan sepanjang bekerja di bidang tersebut?**

**CD** : Okay. Dia bidang ini pengalaman sekarang ini cabaran dia – kena banyak bersabar, kalau tiada kesabaran benda ni [bunyi kereta] _ _ _ sampai _ _ dan juga komitmen kena kuat untuk menyiapkan sebuah buku ini. Sebab apa, setiap karya-karya kita bincang dengan kawan-kawan yang member-member luar _ _ _ _ ***pasaipa hang*** [kenapa kamu] ***tak buat keluar*** [keluarkan], ***hang*** [kamu] bakat ada ini. ***Depa tak*** [mereka tidak] boleh sampai ***level*** [tahap] yang patut kita boleh ***bawak keluaq*** [keluarkan] dah yang mana aku ada komitmen lain _ _ sebuah syarikat jadi ***hat*** [yang] ini _ tapi dia tak boleh, tak boleh menyiapkan satu buah buku sendiri. Kita dah cuba bawak keluar ni ***solo*** [sendiri] kan makna kata ***depa*** [mereka] kata _ walaupun ***hang*** [kamu] baru tapi ***hang*** [kamu] boleh bawak keluar dan depa orang lama pun tak boleh bawa keluar, makna kata komitmen yang kuat bila ***tak dak*** [tiada] komitmen yang kuat memang tak boleh buat, begitu juga yang ***sifu*** [tok guru] saya sendiri pun dia ***tak*** [tidak] pernah ***bawak keluaq*** [keluarkan] sebelum ni [bunyi kereta] dia kata "***Hang*** [kamu] potong aku la, potong dia potong dia, ***hang*** [kamu] baru belajar dekat aku ***hang*** [kamu] dah ***bawak keluar*** [keluarkan]_ dah. Aku ***duk*** [masih] hantar lagi dekat depa [syarikat kartun], aku ***takdak*** [tiada] buku lagi." Setelah itu saya ***duk bincang*** [bincangkan] dengan dia kita kena ***bawak keluaq*** [keluarkan], kita kena cuba berdikari bagi dia puas bagi dia ada _ kuat, lani ni dua buku dah dia ***bawak keluaq*** [keluarkan] sambil-sambil itu pun dia nak ***bawak*** keluaq [keluarkan] [bunyi ayam] buku macam ni juga [sambil menunjukkan Komik Din Budak Bendang] nipis-nipis ini kan, dia akan buat keluar. Ha ni dia akan ***bawak keluaq*** [keluarkan] buku macam ni [sambil menjukkan Komik-Komik] [sambil ketawa]. Ini orang panggil komik, ini orang panggil buku kartun [sambil menujukkan perbezaan Komik dan Buku Kartun] sebab

apa dia [bunyi ayam berkokok] _ dia punya _ kartun, tapi ***hatni*** [yang ini] dia ke arah komik [sambil menunjukkan komik dan buku kartun] _ nak hampir manusia [bunyi ayam berkokok] ini orang panggil komik. Kalau kartun pendek pi macam mana pun, kepala besar orang ***tak dak*** [tiada] masalah jadi dia ada dua [bunyi ayam berkokok] _ dia kata kan. Perbezaan antara komik dengan kartun kan. Dulu mula-mula saya mula dekat kartun tapi kartun ini dah hampir-hampir nak jadi komik [bunyi ayam berkokok] cuma pendek gutu [begitu] kan _ _ kartun dah ni. Kalau komik muka dia kena ada hidung ***tak payah*** [perlu] [bunyi ayam berkokok] _ ***depa*** [mereka] besar ***tang ni*** [bahagian ini] [sambil menunjukkan wajah beliau] ***tak payah*** [tidak perlu]. Ini orang panggil komik. Pelik sikit hidung, mata terbeliak _ _ ha itu kartun. Itu perbezaan antara kartun dengan komik.

**MF** **: Apakah kenangan manis tuan dan pengalaman pahit tuan sepanjang bekerja di bidang ini?**

